

# **Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru**

*Emeliana Elias<sup>1</sup>, Hussin Sarju<sup>2</sup>, Mohd Izyan Zuhaili Zainudin<sup>3</sup>, Shamsul Kamarudin<sup>4</sup> & Azizi Yahaya<sup>5</sup>*

<sup>1</sup>Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia

---

**ABSTRAK** : Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tingkatan 4 Sek Men Teknik Perdagangan Johor Bahru bagi membolehkan ia diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan empat gaya pembelajaran yang diperkenalkan oleh Honey dan Mumford (1992) iaitu aktif, reflektif, teoritis dan pragmatik. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui pencapaian akademik pelajar dan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Seramai 40 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini berbentuk deskriptif dan inferensial dan data diperolehi dengan menggunakan soal selidik. Kaedah ujian deskriptif dan inferensi digunakan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar tingkatan 4 Sek Men Teknik Perdagangan Johor Bahru paling banyak mengamalkan gaya pembelajaran reflektif. Hasil juga menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran aktif, reflektif, teoritis dan pragmatik dengan pencapaian akademik. Adalah diharapkan kajian ini akan dapat membantu pelajar dan guru khususnya dalam bidang pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka seharian.

**Kata kunci** : *Gaya Pembelajaran, Pencapaian Pelajar, Aktif, Reflektif, Teoritis Dan Pragmatik*

---

## **1.0 PENGENALAN**

Pendidikan adalah bidang yang sentiasa mengalami perubahan sesuai dengan perkembangan yang berlaku terhadap persekitaran kerana apa sahaja perubahan yang berlaku akan memberi kesan terhadap pendidikan terutama dalam aspek kurikulum. Pendidikan teknik dan vokasional adalah penting dalam pembangunan sesebuah negara khususnya sebuah negara perindustrian. Perhatian yang diberikan kepada gaya pembelajaran adalah merupakan perhatian terhadap perbezaan individu dan perbezaan kekuatan individu. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap pelajar berbeza antara satu sama lain. Seseorang pelajar itu telah membentuk gaya pembelajaran mereka sendiri sejak ia dilahirkan. Selepas itu, dia akan terus menggunakan gaya pembelajaran tersebut dalam proses pembelajaran.

### **1.1 Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar tingkatan 4 di SM. Teknik Perdagangan Johor Bahru.
2. Mengenalpasti pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 di SM. Teknik Perdagangan Johor Bahru.

3. Mengenalpasti hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 SM.Teknik Perdagangan Johor Bahru.


## 1.2 Persoalan Kajian

1. Apakah gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tingkatan 4SM.Teknik Perdagangan Johor Bahru?
2. Apakah pencapaian akedamik pelajar tingkatan 4 SM.Teknik Perdagangan Johor Bahru?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar tingkatan 4 SM.Teknik Perdagangan Johor Bahru?

## 1.3 Hipotesis Kajian

Hipotesis Nol: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara hubungan gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik

## 1.4 Kerangka Kajian



**Rajah 1:**Kerangka Kajian Hubungan Gaya Pembelajaran Dan Pencapaian Akademik Pelajar SM. Teknik Perdagangan Johor Bahru


## 2.0 SOROTAN KAJIAN

### 2.1 Model Gaya Pembelajaran Kolb

Model pembelajaran Kolb adalah satu model pembelajaran pengalaman yang telah mendapat perhatian berbagai bidang pengajian khususnya yang memerlukan latihan amali (Rohaila Yusuf,2005). Selain itu, model Kolb lebih terarah kepada persekitaran praktikal sepertimana yang menjadi amalan dalam sistem pendidikan teknik dan vokasional (Sarimah,2008). Model pembelajaran Kolb telah digunakan dalam kajian di berbagai bidang pengajian terutama sekali yang memerlukan kerja amali seperti kejuruteraan (Harb et al. 1997). Kolb (1990) menyatakan bahawa manusia belajar berdasarkan cara bagaimana dia mengamati dan memproses sesuatu. Ada yang memberi respon atau mempelajari sesuatu dengan cara

menggunakan deria dan perasaan. Dengan kata lain Model Kolb merupakan gaya pembelajaran yang banyak memerlukan kemahiran untuk menguasai sesuatu matapelajaran. Kolb (1985) dapat menggambarkan empat model pembelajaran yang asas hasil daripada gabungan pengalaman pelajar dan keperluan persekitaran. Beliau berpendapat bahawa dalam proses pembelajaran, semua pelajar yang berkesan perlu berkebolehan dalam aspek pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak dan eksperimentasi aktif (Joseph Gomez, 1999). Kombinasi peringkat pengalaman ini akan mewujudkan gaya konverger, assimilator, diverger dan akomodator. Menurut Norasmah (2004), Kolb telah menjelaskan model gaya pembelajaran beliau seperti berikut:

“Pembelajaran merupakan satu proses integrasi yang berada di dalam satu kitaran dan bermula dengan pengalaman dan diikuti dengan pengumpulan data dan pemerhatian tentang pengalaman tersebut. Data akan dianalisis dan kesimpulan yang diperolehi akan digunakan untuk mengubahsuai tingkah laku dalam menghadapi satu situasi pengalaman yang baru “ (Kolb, 1984 dalam Sadler-Smith, 1997).



© concept david kolb, adaptation and design alan chapman 2005-06, based on Kolb's learning styles, 1984  
Not to be sold or published. More free online training resources are at [www.businessballs.com](http://www.businessballs.com). Sole risk with user.

## Rajah 2: Gaya Pembelajaran Kolb

Perkaitan antara gaya pembelajaran Kolb ini boleh dilihat sebagai kitaran seperti yang ditunjukkan pada rajah 2 di atas. Melalui rajah tersebut dapat diketahui bahawa terdapat empat model pembelajaran asas Kolb iaitu pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak dan eksperimentasi aktif yang dikenali sebagai gaya pembelajaran primary. Kombinasi gaya pembelajaran ini akan menghasilkan empat lagi gaya pembelajaran secondary iaitu gaya pembelajaran diverger, assimilator, konverger dan akomodator. Bagi gaya pembelajaran secondary, ia merupakan gabungan bagi dua gaya pembelajaran primary (Joseph, 2000).

## 2.2 Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik

Menurut kajian yang dibuat oleh Yufiza (2005) menunjukkan gaya pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian subjek perakaunan. Skor min bagi Gaya Pembelajaran Dalam adalah 3.48 dan sisihan piawai 0.55, skor min bagi Gaya Pembelajaran Muka adalah 2.93 dan sisihan piawai 0.74, skor min bagi Gaya Pembelajaran Dorong adalah 4.18 dan sisihan piawai 0.54, skor min bagi Gaya Pembelajaran Rancangan adalah 3.39 dan sisihan piawai 0.61, dan skor min bagi Gaya Pembelajaran Gigih adalah 3.71 dan sisihan piawai 0.50. Kajian ni menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang sederhana kuat di antara pencapaian dengan gaya pembelajaran Dalam ( $r = 0.055$ ) dan perkaitan rendah di antara pencapaian dengan gaya pembelajaran Rancang ( $r = 0.039$ ).

## 3.0 INSTRUMEN KAJIAN

Soal selidik mengandungi soalan berbentuk demografik bagi mengetahui profil responden dan empat puluh soal selidik yang berdasarkan instrument daripada "Learning Styles Questionnaires Honey and Mumford" (1992). Set soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A mengandungi lima soalan berkaitan biodata responden iaitu jantina, bangsa, tempat tinggal, pencapaian PMR pelajar dan pencapaian peperiksaan pertengahan tahun. Bahagian B terdiri daripada 40 soalan yang dibuat oleh Honey dan Mumford (1992). Soal selidik ini akan menentukan empat jenis gaya pembelajaran iaitu gaya pembelajaran aktif, reflektif, teoritis dan pragmatis.

	Gaya Pembelajaran	Item
1	Teoris	3, 7, 10, 13, 17, 22, 26, 30, 34 dan 39
2	Reflektif	2, 8, 11, 16, 19, 21, 27, 32, 35 dan 38
3	Pragmatis	4, 5, 9, 15, 20, 23, 28, 31, 33 dan 37
4	Aktif	1, 6, 12, 14, 18, 24, 25, 29, 36 dan 40

**Jadual 1** : Taburan Item Mengikut Pecahan Gaya Pembelajaran

Pengukuran dan penilaian item dilakukan menggunakan skala tiga mata bagi memudahkan responden membuat pilihan yang tepat terhadap setiap persoalan yang dikemukakan. Responden dikehendaki memilih salah satu daripada darjah pemeringkatan dalam pengukuran skala tiga mata berdasarkan jadual 2 dibawah.

Skala	TS	S	SS
Skor	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju

**Jadual 2** : Taburan Skor Mengikut Skala Tiga Mata

Skor bagi setiap item akan dijumlahkan dan satu nilai peratusan diperolehi bagi menentukan darjah kekerapan persetujuan oleh responden. Soal selidik dikemukakan oleh responden kepada para pelajar sekolah setelah mendapat kebenaran daripada Pengetua sekolah Men Tek. JB. Set soal selidik yang telah siap dijawab oleh responden dikumpulkan pada hari yang sama untuk mengelakkan berlakunya kehilangan

### 3.1 Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian Rintis

Setelah kajian rintis dijalankan, set soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) versi 12.0 bagi mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai Alpha (Cronbach) bagi kajian rintis yang dijalankan adalah 0.73 bagi kesemua 40 item yang diuji. Menurut Mohd Najib (1999), nilai koefisien yang melebihi 0.20 menunjukkan bahawa item tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang sederhana. Tahap kebolehpercayaan sesuatu item mengikut julat-julat tertentu adalah seperti jadual 3 di bawah:

<b>Julat (Positif/Negatif)</b>	<b>Kebolehpercayaan</b>
0.00 – 0.20	Rendah
0.21 – 0.80	Sederhana
0.81 – 1.00	Tinggi

**Jadual 3:** Nilai Alpha ( Cronbach) (Sumber: Mohd Najib, 1999)

### 4.0 ANALISIS KAJIAN

**Jadual 4:** Taburan Responden Mengikut Aspek Demografi

<b>Jantina</b>	<b><i>f</i></b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	14	35.0
Perempuan	26	65.0
<b>Bangsa</b>	<b><i>f</i></b>	<b>Peratus</b>
Melayu	40	100
Cina	0	0
India	0	0
<b>Tempat tinggal</b>	<b><i>f</i></b>	<b>Peratus</b>
Asrama	29	72.5
Luar asrama	11	27.5
<b>Total</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

Taburan responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 14 orang pelajar lelaki iaitu bersamaan 35.0 peratus manakala pelajar perempuan 26 orang bersamaan 65.0 peratus. Ia diikuti dengan majoriti bangsa responden yang dikaji iaitu kemuanya adalah berbangsa melayu seramai 40 orang mewakili 100 peratus. Selain itu hanya 29 orang yang tinggal di asrama iaitu 72.5 peratus dan selebihnya 11 orang pelajar tinggal di luar asrama iaitu 27.5 peratus.

#### 4.1 Analisis Persoalan Kajian 1

“Apakah gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tingkatan 4 SM.Teknik Perdagangan Johor Bahru?”

**Jadual 5:** Taburan Responden Mengikut Gaya Pembelajaran Aktif

Item	Pernyataan	TS	S	SS	Min	Tahap
		f (%)	f (%)	f (%)		
1	Saya sering mengambil risiko yang berpatutan sekiranya saya rasakan ianya berbaloi dengan hasil yang akan diperolehi.	2 (5.0)	21 (52.5)	17 (42.5)	2.37	Tinggi
6	Jika saya diperkenalkan dengan idea yang baru, saya akan cuba menggunakannya.	3 (7.5)	16 (40.0)	21 (52.5)	2.45	Tinggi
12	Saya lebih gemar mempelajari teori yang baru daripada melakukan amali.	14 (35.0)	18 (45.0)	8 (20.0)	1.85	Sederhana
14	Saya suka mengaitkan apa yang saya lakukan dengan prinsip yang telah saya pelajari.	3 (7.5)	24 (60.0)	13 (32.5)	2.25	Sederhana
18	Saya suka memberikan pendapat secara sepontan daripada merancang terlebih dahulu sebelum bertindak.	7 (17.5)	21 (52.5)	12 (30.0)	2.12	Sederhana
24	Saya suka menyumbangkan idea dalam aktiviti berkumpulan	4 (10.0)	28 (70.0)	8 (20.0)	2.10	sederhana
25	Saya suka bercakap lebih dari yang sepatutnya dan perlu mengembangkan kemahiran mendengar saya.	5 (12.5)	23 (57.5)	12 (30.0)	2.17	sederhana
29	Saya akan mempertimbangkan pelbagai alternatif lain sebelum membuat keputusan.	3 (7.5)	21 (52.5)	16 (40.0)	2.32	Sederhana
36	Saya cepat bosan jika melakukan kerja-kerja yang memerlukan cara dan kaedah yang terperinci.	9 (22.5)	14 (35.0)	17 (42.5)	2.20	Sederhana
40	Saya teruja dengan sesuatu krisis.	6 (15.0)	17 (42.5)	17 (42.5)	2.27	Sederhana
<b>Purata</b>					<b>2.21</b>	<b>Sederhana</b>

Julat min bagi item 12 gaya pembelajaran aktif adalah diantara 1.85 berkaitan dengan saya lebih gemar mempelajari teori yang baru daripada melakukan amali sehingga item 6 iaitu 2.45 yang berkaitan dengan jika saya diperkenalkan dengan idea yang baru, saya akan cuba menggunakannya. Kebanyakan nilai min berada pada tahap sederhana. Hanya item 1 dan 6 sahaja yang berada pada tahap yang tinggi.

**Jadual 6:** Taburan Responden Mengikut Gaya Pembelajaran Reflektif

Item	Pernyataan	TS	S	SS	Min	Tahap
		<i>f</i> (%)	<i>f</i> (%)	<i>f</i> (%)		
2	Saya suka menyelesaikan masalah langkah demi langkah	0 (0.00)	26 (65.0)	14 (35.0)	2.35	Sederhana
8	Saya bangga jika dapat melakukan sesuatu kerja dengan tersusun.	2 (5.0)	5 (12.5)	33 (82.5)	2.77	Tinggi
11	Saya akan membuat kesimpulan selepas mempertimbangkan beberapa idea yang lain.	1 (2.5)	22 (55.0)	17 (42.5)	2.40	Tinggi
16	Saya suka mencari maklumat tentang hal semasa.	5 (12.5)	26 (65.0)	9 (22.5)	2.10	Sederhana
19	Saya tidak suka membuat kesimpulan dibawah tekanan kerana saya memerlukan masa untuk berfikir dahulu.	5 (12.5)	17 (42.5)	18 (45.0)	2.32	Sederhana
21	Saya akan rasa marah jika seseorang itu membuat kerja dengan terburu-buru.	3 (7.5)	25 (62.5)	12 (30.0)	2.22	Sederhana
27	Saya suka menyuarakan idea dan pendapat kepada orang lain.	5 (12.5)	21 (52.5)	14 (35.0)	2.22	Sederhana
32	Saya lebih suka mendengar daripada bercakap.	12 (30.0)	17 (42.5)	11 (27.5)	1.97	Sederhana
35	Saya akan melakukan apa sahaja yang dirasakan penting untuk menyelesaikan tugas saya.	4 (10.0)	16 (40.0)	20 (50.0)	2.40	Tinggi
38	Saya suka perbincangan dilakukan berdasarkan perancangan yang telah dibuat dahulu.	4 (10.0)	22 (55.0)	14 (35.0)	2.25	Sederhana
<b>Purata</b>					<b>2.30</b>	<b>Sederhana</b>

Julat min bagi item 32 gaya pembelajaran reflektif adalah diantara 1.97 yang berkaitan dengan saya lebih suka mendengar daripada bercakap sehingga item 8 iaitu 2.77 Saya bangga jika dapat melakukan sesuatu kerja dengan tersusun. Nilai purata min bagi gaya pembelajaran aktif adalah pada tahap yang sederhana iaitu 2.30.

**Jadual 7:** Taburan Responden Mengikut Gaya Pembelajaran Teoris

Item	Pernyataan	TS	S	SS	Min	Tahap
		<i>f</i> (%)	<i>f</i> (%)	<i>f</i> (%)		
3	Saya merupakan seorang yang serius.	14 (35.0)	22 (55.0)	4 (10.0)	1.75	Sederhana
7	Saya seorang yang berdisiplin dan mempunyai pemikiran yang jelas dan logik.	3 (7.5)	30 (75.0)	7 (17.5)	2.10	Tinggi
10	Saya tidak akan membuat kesimpulan tanpa bukti yang kukuh.	3 (7.5)	9 (22.5)	28 (70.0)	2.27	Tinggi
13	Saya tidak suka situasi kerja yang tidak tersusun.	3 (7.5)	23 (57.5)	14 (35.0)	2.62	Tinggi
17	Orang yang membuat kerja sambil lewa kebiasaanya menyakitkan	4 (10.0)	16 (40.0)	20 (50.0)	2.40	Tinggi

	hati saya.					
22	Masa sekarang adalah lebih bernilai daripada memikirkan masa lepas dan masa yang akan datang.	3 (7.5)	21 (52.5)	16 (40.0)	2.32	Tinggi
26	Saya tidak suka orang yang hilang tumpuan daripada objektif perbincangan semasa dalam aktiviti berkumpulan.	2 (5.0)	22 (55.0)	16 (40.0)	2.35	Tinggi
30	Saya rasakan saya lebih berobjektif dan tidak bertindak mengikut perasaan berbanding rakan-rakan saya yang lain.	13 (32.5)	19 (47.5)	8 (20.0)	1.87	Sederhana
34	Mencapai objektif berkumpulan adalah lebih penting berbanding perasaan individu.	9 (22.5)	16 (40.0)	15 (37.5)	2.15	Tinggi
39	Saya suka mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang subjektif atau yang kurang jelas.	5 (12.5)	27 (67.5)	8 (20.0)	2.07	Tinggi
<b>Purata</b>					<b>2.19</b>	<b>Sederhana</b>

Julat min bagi gaya pembelajaran teoris pada item 3 adalah diantara 1.75 berkaitan dengan saya merupakan seorang yang serius. sehingga item 13 iaitu 2.62 saya tidak suka situasi kerja yang tidak tersusun. Nilai purata min bagi gaya pembelajaran aktif adalah pada tahap yang tinggi iaitu 2.19. Kebanyakan min bagi gaya pembelajaran teoris berada pada tahap yang tinggi. Hanya item 3 dan 30 sahaja yang berada pada tahap yang sederhana.

**Jadual 8:** Taburan Responden Mengikut Gaya Pembelajaran Pragmatik

Item	Pernyataan	TS	S	SS	Min	Tahap
		f (%)	f (%)	f (%)		
4	Saya suka mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang subjektif atau yang kurang jelas.	17 (42.5)	17 (42.5)	6 (15.0)	1.72	Sederhana
5	Kunci untuk menilai samaada sesuatu idea/penyelesaian seseorang berkesan atau tidak adalah dengan mengujinya.	0 (0.00)	19 (47.5)	21 (52.5)	2.52	Tinggi
9	Saya lebih selesa bersama dengan orang yang berfikiran logik berbanding orang yang kurang rasional	5 (12.5)	16 (40.0)	19 (47.5)	2.35	Tinggi
15	Saya suka berterus terang tanpa mengambil kira perasaan orang lain.	17 (42.5)	19 (47.5)	4 (10.0)	1.67	Sederhana
20	Saya suka menilai idea orang lain berdasarkan keberkesanannya samaada ia boleh diuji atau tidak.	2 (5.0)	20 (50.0)	17 (42.5)	2.87	Tinggi
23	Saya rasa keputusan yang diperolehi dari menganalisis maklumat adalah lebih baik daripada berdasarkan gerak hati.	8 (20.0)	16 (40.0)	16 (40.0)	2.20	Sederhana
28	Dalam perbincangan kumpulan, ahli-ahli mestilah berfikir secara realistik dan tidak menyarankan idea-idea yang keterlaluan.	5 (12.5)	22 (55.0)	13 (32.5)	2.20	Tinggi



31	Di dalam sesuatu perbincangan, saya lebih suka mendengar sahaja atau mengetuai sesuatu.	9 (22.5)	25 (62.5)	6 (15.0)	1.92	Sederhana
33	Saya akan menggunakan apa sahaja cara untuk mencapai matlamat saya.	5 (12.5)	17 (42.5)	18 (45.0)	2.32	Tinggi
37	Saya suka mengkaji prinsip-prinsip dan teori-teori yang ada dalam sesuatu peristiwa yang berlaku.	5 (12.5)	24 (60.0)	11 (27.5)	2.15	Tinggi
<b>Purata</b>					<b>2.19</b>	<b>Tinggi</b>

Julat min bagi gaya pembelajaran pragmatik pada item 15 adalah diantara 1.67 yang berkaitan dengan saya suka berterus terang tanpa mengambil kira perasaan orang lain sehingga item 20 iaitu 2.87 iaitu saya suka menilai idea orang lain berdasarkan keberkesannya samaada ia boleh diuji atau tidak. Nilai purata min bagi gaya pembelajaran aktif adalah pada tahap yang tinggi. Kebanyakan min bagi gaya pembeajaran teoritis berada pada tahap yang tinggi.

#### 4.2 Analisis Persoalan Kajian 2

“Bagaimanakah pencapaian akedamik pelajar tingkatan 4SM.Teknik Perdagangan Johor Bahru?”

**Jadual 9:** Taburan Responden Mengikut Pencapaian PMR

Bil	Mata pelajaran	A	B	C	D	Min
		f (%)	f (%)	f (%)	f (%)	
1	Bahasa Malaysia	21 (52.5)	19 (47.5)	0	0	4.53
2	Bahasa Inggeris	6 (15.0)	18 (45.0)	15 (37.5)	1 (2.5)	3.73
3	Matematik	12 (30.0)	17 (42.5)	10 (25.0)	1 (2.5)	4.00
4	Sains	4 (10)	26 (65.0)	9 (22.5)	1 (2.5)	3.83
5	Sejarah	7 (17.5)	20 (50.0)	13 (33.5)	0	3.85
6	Geografi	8 (29.0)	13 (13.5)	18 (45.0)	1 (2.5)	3.70
7	Agama	17 (42.5)	22 (55.0)	1 (2.5)	0	4.40
8	Kemahiran Hidup	15 (37.5)	21 (52.5)	3 (7.5)	1 (2.5)	4.25
<b>Purata pencapaian</b>						<b>4.03</b>

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia iaitu dengan min 4.53 iaitu pada tahap tinggi, diikuti oleh matapelajaran Pendidikan Agama Islam sebanyak 4.40. Kemudian, min ketiga tertinggi adalah mata pelajaran Matematik iaitu dengan nilai min 4.00 dan diikuti dengan mata pelajaran Sains iaitu 3.83. Seterusnya min bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris iaitu 3.73 dan mata pelajaran Sejarah iaitu 3.66. Nilai min yang terendah iaitu sebanyak 3.65 ialah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Geografi.

### 4.3 Analisis Persoalan Kajian 3

“Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar tingkatan 4SM.Teknik Perdagangan Johor Bahru?”

**Jadual 10:** Korelasi antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian

Gaya Pembelajaran	Nilai korelasi (r)	Nilai signifikan (p)
Aktif	0.17	0.30
Reflektif	0.14	0.39
Teoris	0.17	0.29
Pragmatik	0.07	0.63

Merujuk kepada jadual 10 didapati bahawa nilai korelasi r antara pencapaian akademik dengan gaya pembelajaran aktif ialah 0.17 manakala nilai signifikan p adalah 0.30. Situasi ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara pencapaian pelajar dengan gaya pembelajaran aktif

Secara keseluruhan, tidak terdapat perhubungan antara gaya pembelajaran aktif, reflektif, pragmatik dan teoritis terhadap pencapaian akademik pelajar.

## 5.0 PERBINCANGAN JENIS GAYA PEMBELAJARAN

Ini menunjukkan bahawa pelajar Sek Men Teknik Perdagangan menggemari gaya pembelajaran jenis reflektif iaitu secara mengulas pengalaman. Pelajar ini gemar mengumpul dan menganalisis data serta belajar melalui pemerhatian dan berfikir terhadap sesuatu kejadian yang berlaku. Menurut Mohd Nor dan Hazwani (2007), pelajar golongan ini mempunyai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, suka mentafsir dan menilai sesuatu perkara dari pelbagai sudut pandangan, prinsip, keputusan atau projek, membuat refleksi sendiri, sentiasa berhati-hati, memikirkan pelbagai pilihan dengan teliti serta mendalam sebelum membuat sebarang kesimpulan, belajar dan membuat kerja secara sistematik.

Gaya pembelajaran reflektif ini gemar diamalkan oleh pelajar-pelajar pendidikan teknik kerana ianya bersesuaian dengan subjek kejuruteraan yang sedang dipelajari. Ini adalah kerana dalam subjek kejuruteraan, pelajar didedahkan kepada subjek-subjek pengiraan, amali dan pengadaptasian teori kepada aplikasi dalam pembelajaran seharian mereka.

Selain itu, pelajar jenis ini juga suka mengaitkan perkara-perkara yang dipelajari ke dalam keperluan persekitaran mereka (Muhamed, 1999). Di samping itu, Honey dan Mumford (1992) menambah, pelajar yang memiliki sikap yang berhati-hati, berwaspada dan sentiasa memikirkan pelbagai pilihan dengan teliti di mana keadaan ini dipraktikkan oleh pelajar terutama dalam melakukan ujikaji di makmal atau amali di bengkel. Ini kerana sebarang kecuaiian boleh menyebabkan kecederaan dan kerosakan pada alatan yang digunakan.

### 5.1 Tahap Pencapaian Pelajar SM. Teknik Perdagangan

Kajian mendapati bahawa mata pelajaran yang pelajar tingkatan 4 Sek Men Teknik Perdagangan kuasai ialah pada subjek Bahasa Melayu. Ia diikuti dengan mata pelajaran Pendidikan Agama Islam, Kemahiran Hidup, Matematik, Sejarah, Sains, Geografi dan Bahasa Inggeris. Secara keseluruhannya pelajar ini boleh dikatakan sebagai pelajar yang pintar. Oleh itu, untuk mengkaji hubungan antara pencapaian pelajar dengan gaya pembelajaran mereka

agak sukar dibezakan. Ini kerana jika tahap pencapaian akademik pelajar tinggi, tidak kira pelajar menggunakan apa jua jenis gaya pembelajaran sekalipun mereka tetap mendapat keputusan yang cemerlang.

## **5.2 Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik**

Dengan menggunakan analisis korelasi Pearson didapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran pragmatik dengan pencapaian akademik pelajar. Ini menunjukkan bahawa jika pelajar tingkatan 4 Sek Men Teknik Perdagangan didedahkan dengan gaya pembelajaran yang digemari pelajar, mungkin ia dapat menjurus kepada peningkatan pencapaian akademik mereka.

Menurut Mohd.Nor (2007), jika pelajar bersifat pragmatik mereka dapat menguasai sesuatu subjek yang dipelajari dengan mudah setelah melalui sesi praktikal dan teori. Jika pelajar dapat menggunakan gaya pembelajaran pragmatik, mereka akan mengaplikasikan teori, hukum dan prinsip yang telah mereka pelajari dalam situasi sebenar. Selain itu mereka juga akan bersifat kreatif serta suka membuat perbandingan dan mereka akan berusaha sedaya upaya merealisasikan idea, teori atau sesuatu teknik. Pendekatan ini amat bersesuaian dengan suasana sekolah teknik. Ini kerana, pelajar sekolah teknik mestilah melakukan lebih banyak praktikal untuk memantapkan ilmu yang dipelajari.

## **6.0 CADANGAN KAJIAN**

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar lebih gemar menggunakan gaya pembelajaran reflektif. Oleh itu, guru bolehlah menggunakan gaya pembelajaran reflektif seperti berbentuk penyelesaian masalah, inkuiri penemuan, projek dan perbincangan. Secara tidak langsung ia dapat membantu pelajar dalam penyelesaian masalah melalui pencarian maklumat dalam masa yang panjang serta dapat melihat perkaitan maklumat yang diterimanya dengan dunia sebenar. Kajian telah menunjukkan bahawa pelajar gemar mengamalkan gaya pembelajaran jenis reflektif.

Kajian juga menunjukkan bahawa pelajar menggunakan keseluruhan gaya pembelajaran. Oleh itu, para guru hendaklah menggunakan sepenuhnya semua kelebihan-kelebihan yang terdapat pada setiap gaya pembelajaran untuk menjadikan proses pembelajaran yang lebih menarik. Selain itu, semasa proses pengajaran, guru juga hendaklah menyampaikan pelajaran dengan menggunakan komunikasi yang jelas serta gaya pembelajaran yang fleksibel dan tidak terikat dengan satu kaedah pengajaran sahaja agar pelajar tidak merasa bosan dalam proses pembelajaran.

Selain itu, bagi pencapaian akademik pelajar, dapatan menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, untuk mengekalkan atau meningkatkan prestasi pelajar guru-guru hendaklah mencungkil bakat terpendam pelajar. Bagi mencungkil bakat pelajar, guru dikehendaki memberi peluang kepada para pelajar untuk mencari penyelesaian sendiri bagi sesuatu masalah dan memberikan mereka peluang untuk memberikan idea-idea yang baru. Pelajar akan dapat menggunakan minda mereka secara maksimum dan kebolehan mereka akan diasah untuk meningkatkan lagi prestasi pelajaran mereka.

## REFERENCES

- Azizi Hj Yahya dan Shareeza Abdul Karim (2003). Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di tingkatan empat sekolah menengah teknik N.Sembilan. National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pasifik Johor bahu
- Azizi Yahya (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Azman Azwan Azmawati, (2007). Pengaplikasian Teknik Berfikir. Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia
- Ee Ah Meng, (1997). Psikologi Pendidikan II. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mak Song Sang, (2008). Ilmu Pendidikan Untuk KPLI Sekolah Rendah: Psikologi Pendidikan dan Pedagogi. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Guilford, J. P. (1956). *Fundamental Statistics in Psychology and Education*. McGrawHill.
- Harb, J.N Terry, R.E, Hurt, P.K & Williamson (1995), *Teaching through the cycle: Application of learning style theory to engineering education*. Brigham Young University Press.
- Husamuddin Bin Hj Hasbullah (1997). Hubungan Gaya Pembelajaran dan Pencapaian Akademik di Kolej SAL Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia.
- Joseph Gomez (1999/2000). Gaya Pembelajaran Literatur, Jabatan Ilmu Pendidikan MPSK, Jurnal Pendidikan Tentatif Jilid 2: Bil 3.
- K. Narayanasamy (1999/2000). Melayan Pelbagai Gaya Pembelajaran : Pengajaran Kemahiran Berfikir Sebagai Satu Alternatif Berkesan. Jurnal Pendidikan Tigaenf Jilid 2: Bil 3.
- Kamus Dewan (1970). Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2004). Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (1987), Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khalid Ismail, Ibrahim Tamby Chek, Baharudin Omar (2005). *Pengurusan Bilik Darjah dalam Konteks Pengajaran dan Pembelajaran Perakaunan* : Pearson Prentice Hall.
- Kolb, D.A (1984). *Experiential Learning. Experience as the Sorce of Learning And Devolopement* : Prentice Hall
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.
- Lester D. Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Pengurusan* : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan* : Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kulala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kulala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abd Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh, Zaidatun (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 For Windows*, Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mohd. Nor bin Ikhassan dan Hazwani bte Sapar (2007). *Gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar sarjana muda pendidikan teknik dan vokasional di Universiti Tun Hussein*

- Onn.Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang dalam Pembudayaan Penyelidikan Ke Arah Kecemerlangan Profesionalisme Keguruan.
- Naina Mohd Noor (1999/2000). Stail Pembelajaran Guru dan Gaya Pembelajaran Murid. Jurnal Pendidikan Tigaenf Jilid 2:Bil 3.
- Nazamud-din Bin Alias(2005). Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Kursus Lepasn Ijazah Maktab Perguruan Batu Lintang. Jurnal Pendidikan MPBL, Jilid 6.
- Nik Azis Nik Pa. (2007).Kualiti tinjauan literatur bagi penyelidik dalam Pendidikan matematik oleh pelajar ijazah tinggi. Jurnal Pendidikan 27(1): 7-18.
- Norasmah Hj Othman dan Siti Rahidah Othman (2004). Gaya Pembelajaran KolbDalam Mata Pelajaran Biologi : Universiti Teknologi Malaysia.
- Norasmah Hj Othman, Zaidatol Akmaliah, Mohd Ibrahim Nazri & Rohani AhmadTarmizi (2003), Aplikasi Model Kolb Dalam Program Keushawanan Remaja. Jurnal Teknologi : Universiti Teknologi Malaysia.
- Portney L.G & Walkins M.R. (1993). Foundations of clinical research: Applications topractice. East Norwalk, Conn.: Appleton and Lang.
- Rahimah Abd Aziz, Rahmat Saripan (2002), Pendidikan Asas Kemajuan Minda dan Material di Johor. Yayasan Warisan Johor
- Rohaila Yusuf, Norasmah Othman & Faridah Karim (2005), Strategi Pembelajaran Pengalaman Berasaskan Model Kolb Dalam Pendidikan Perakaunan. Jurnal Pendidikan 30 : 113-128
- Sarimah Abd Razak (2008). Gaya Pembelajaran Pelajar Sekolah Menengah Teknik, Pertanika J.Soc.Sci. & Hum. Vol.16 (2)
- Shaari Kamani (1999). Teks Ucapan Sambutan Hari Guru : UTM.
- Shahril, Habib Mat Som (1999). Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran : Utusan Publication dan Distribution Sdn Bhd. Sulaiman Masri.t.th. Teknik penulisan ilmiah. [13 Mei 2009].
- [http://www.tutor.com.my/tutor/pix/2001/0709/DuniaPendidikan/Kertas\\_Kerja](http://www.tutor.com.my/tutor/pix/2001/0709/DuniaPendidikan/Kertas_Kerja)
- Tuckman, B.W (1992). Educational Psychology: From Teory to Application Fortworth Collage : Hart Court Br.
- Webster, M. (1985). Webster`s nith new collegiate dictionary. Meriam - Webster Inc
- Whitney, I. dan Smith, P.K. (1993) A survey of the nature and extent of bullying in junior, middle and secondary schools. Educational Research 35, 3-25.
- Yaakub Isa (1996), Almanak Pendidikan : Kuala Lumpur, Berita Publishing Sdn Bhd.